

Allah mencintai seseorang yang membawa orang lain mencintai-Nya

SOLUSI

PANDUAN
HIDUP
BERSYARIAT

WSS

2012 | PP 15048/05/2012 (029644) |

• MOTIVASI • FARDU AIN •

ISU No.

40

Wacana mengenai penyerlahkan 1001 'ibrah dan hikmah, dengan syarat tidak dibauri atau dicemari oleh kepentingan diri dan kecelaruan emosi.

Di sinilah uniknya kehidupan Rasulullah s.a.w. mempunyai pelbagai warna dan citra.

Poligami ialah satu warna yang turut melakarkan keindahan dan keunikan itu!

MISTERI POLIGAMI

36

**Tanam, Bajai dan
Tuailah Rasa Khauf**

48

**Kerana Kerja
Terabai Cinta**

65

**Pelepasan daripada
Api Neraka**

108

**Hijabista: Identiti
atau Ikutan?**

ISSN 1985-5400



9 771985 540003

39

RM 10.00 (SEM)
RM 12.00 (S/S)
SGD 7.50
BND 7.50
USD 10.00
EUR 8.00
IDR 35,000.00
AUD 7.50



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
(Incorporated in Malaysia)

Perspektif perubahan dalam Islam tidak sama dengan Barat. Barat memberikan fokus kepada perubahan benda (*form*) sementara Islam memberikan tumpuan kepada perubahan yang lebih penting iaitu insan (*rija*).

Tajdid Ilmu dan Pendidikan

Perkembangan ilmu dan pendidikan dalam Islam tidak bersifat statik. Islam lazimnya memberi respons terhadap sebarang perubahan dan kemajuan yang berlaku. Apa yang perlu difahami ialah sistem ilmu dan pendidikan mestilah berada dalam epistemologi (asas ilmu) dan tasawur Islam.


Dinamikanya ilmu dan pendidikan dalam Islam, ia bersifat *transformative* atau *tajdidi*. Tajdid ilmu dan pendidikan membawa maksud isi atau kandungan ilmu yang menjadi asas kurikulum dalam pengajaran dan pembelajaran mestilah berdaya maju dan mampu disesuaikan dengan zaman. Metodologi pengajaran dan pembelajaran



EKONOMI ISLAM

Caca Danupranata

Handuan Mengajar
Sains Paduan
Tingkatan 3



Seberikan dan
Penerbitan dan
Kemajuan Malaysia



membawa kesan kefahaman yang tinggi dalam kalangan pelajar.

Kaedah penilaian (*assessment*) yang digunakan bagi mengukur potensi insani berlaku secara holistik, bukan sahaja mengambil kira faktor kognitif (akal-fikir) tetapi mencakupi aspek dalaman diri manusia (afektif) dan juga upaya jasmaniah yang tersalur dengan baik (psikomotor). Ini menjadikan para pelajar tangkas berfikir, memiliki kualiti peribadi di samping kesihatan jasmani yang baik. Pendekatan yang holistik ini penting supaya penilaian terhadap kecemerlangan manusia berlaku secara seimbang.

Tajdid dalam ilmu mengambil kira faktor zaman dan cabaran lingkungan. Asas pandangan Sayidina Umar amat menarik untuk dijadikan renungan. Katanya: "Didiklah generasi pada zamanmu dengan ilmu yang sesuai dengan zamannya."

Ini tidak membawa maksud bahawa jalur Islam tidak dijadikan landasan terhadap perkembangan dan kesuburan ilmu.

Orientasi Islam

Tajdid itu sendiri memberikan jalur ilmu yang sifatnya berkesinambungan. Prinsip ilmu bersumberkan daripada al-Quran dan hadis. Tetapi perkembangan ilmu yang sedang berjalan di Barat dan Timur memerlukan ilmuwan Islam untuk memberikan respons ke arah pengukuhan epistemologi dan tasawur Islam. Malah pada masa yang sama mengambil manfaat berbanding yang sifatnya menyumbang terhadap umat Islam itu sendiri.

Tradisi sains Barat umpamanya memerlukan etika dan nilai yang bersifat manusiawi supaya pendekatan dan mak-sudnya tidak menjadi sekular dan terputus daripada nilai-nilai rabbani. Alam ini sendiri ciptaan Allah. Namun tradisi sains Barat belum sampai kepada suatu konsensus atau persetujuan bahawa alam ini ciptaan Allah.

Ini menyebabkan Barat berpendapat alam ini terjadi dengan sendiri (*by nature/by accident*). Lalu teori evolusi dikemukakan oleh Charles Darwin untuk menjustifikasikan sesuatu kejadian khususnya manusia. Teori ini dikritik oleh saintis Barat sendiri apalagi saintis yang berorientasikan tasawur Islam.

Umat Islam tidak boleh mengelak daripada menghadapi perubahan. Perspektif perubahan dalam Islam tidak sama dengan Barat. Barat memberikan fokus kepada perubahan benda (*form*) sementara Islam memberikan tumpuan kepada perubahan yang lebih penting iaitu insan (*rijal*).

Perubahan yang bersifat benda cenderung ke arah pembangunan alat dan teknologi sebagai jalan perubahan, sementara

perubahan yang memberi fokus kepada insan cenderung melihat kepentingan watak dan peribadi sebagai sumber perubahan dan mengurus perubahan.

Alat atau Matlamat

Teknologi dalam Islam selamanya alat, bukannya matlamat. Matlamat akhir pembangunan teknologi (*form*) harus seimbang dengan nilai guna dan perisian yang terdapat dalam teknologi itu sendiri. Teknologi bukan sekadar memudahkan urusan manusia, tetapi nilai gunanya menyejahterakan hati budi insan dan mempunyai kualiti manusiawi yang tinggi.

Saluran Internet umpamanya berfaedah sebagai alat. Tetapi kandungan atau perisian dalam Internet amat mustahak untuk membangunkan akal budi insan supaya ia menyumbang ke arah kebaikan manusia. Islam pada prinsipnya tidak menentang pembangunan teknologi tinggi dan maju (*high-tech*), tetapi Islam turut mengambil kira pembangunan keinsanan (*high-touch*).

Pembangunan keinsanan inilah yang menjadi matlamat tajdid apabila nilai-nilai insaniah seperti amanah, adil, jujur, ikhlas, telus, tulus dan bijaksana dijadikan landasan membangunkan perubahan supaya jalan mengurus perubahan dipandu oleh nilai-nilai amalan yang murni bagi meningkatkan kualiti manusiawi.

Hari ini sering kedapatan perubahan dalam bentuk yang sifatnya berbentuk teknologi. Aspek keinsanan diabaikan. Alhasil, gelagat manusia tidak ubah seperti resmi haiwan yang menampilkan sifat-sifat rakus, nafsi-nafsi, keseronokan yang melampau, serta tidak ada pertimbangan nilai dan etika. Akhirnya manusia terangsang untuk memenuhi keperluan hedonisme dan menyebabkan kesejahteraan hidup manusia terganggu.

Acuan Insan

Landasan membentuk insan ialah ilmu dan amalan. Sifat ilmu itu berkembang dan corak amalan manusia juga tidak statik. Islam menerusi al-Quran memberikan asas prinsip dalam aqidah, syariah dan akhlak. Pengungkapan asas-asas ini memberikan asas tajdid supaya Islam tidak sahaja terlihat dalam wibawa sistem kepercayaannya, tetapi juga diterjemahkan sebagai pedoman kehidupan.



Prof. Dato' Dr. Sidek Baba

Lulusan Ijazah Sarjana Muda (Pengajian Melayu) Universiti Malaya dan Sarjana Pendidikan Berbanding di Universiti Indiana, Bloomington, USA dan Ijazah Doktor Pendidikan di Universiti Northern Illinois, USA. Pernah menjadi pendidik, pegawai dan pensyarah, dan kini sebagai Profesor Pendidikan di Institut Pendidikan, UIAM. Penerima anugerah Tokoh Maulidur Rasul 2009.

Ada ketikanya golongan Muslimin memiliki produktiviti rohaniah yang tinggi kesan pemahaman ritualnya yang tinggi. Namun sayang, produktiviti amaliahnya rendah kerana Islam itu tidak diaplikasikan dalam kehidupan dan sistem. Ada ketikanya produktiviti amaliah seperti kerajinan bekerja yang tinggi tidak dipandu oleh produktiviti rohaniah yang tinggi. Ini menyebabkan amalannya berada pada tahap yang rendah.

Keperluan terhadap keseimbangan produktiviti rohaniah dan amaliah amat dituntut kerana ia asas dalam memberikan lonjakan kepada kemajuan dan kesejahteraan umat. Al-Quran dalam surah al-'Asr ayat ke-3 memberikan pedoman berikut menerusi firman Allah s.w.t. yang bermaksud: "Kecuali orang yang beriman dan yang beramal soleh."

Tradisi ilmu yang dibangunkan tidak hanya memberi fokus kepada ilmu mengurus diri (*'ulum naqliyyah*) tetapi harus seimbang dengan ilmu mengurus sistem (*'ulum aqliyyah*). Allah mengurniakan akal supaya manusia mampu berfikir. Berfikir adalah perkara yang amat dituntut. Al-Quran memberikan pedoman mengenai pentingnya akal. Akal, pemikiran dan kajian sudah menjadi resam pengilmuan dalam Islam.

Prasarana Kurniaan Ilahi

Allah mengurniakan manusia dengan hati. Daripadanya manusia mampu memiliki rasa yang bersifat intuitif dan asas pertimbangan yang wajar. Pancaran niat yang dipandu oleh pedoman rohaniah menyebabkan pengurusan hati dan kalbu berada pada tahap yang baik. Mengurus hati menuntut asas rohaniah yang betul dan mantap. Ia amat berkait rapat dengan amalan dan perbuatan.

Allah juga mengurniakan manusia dengan daya yang sifatnya jasmani. Daripadanya terhasil pergerakan, perbuatan dan amalan. Sekiranya asas aqidah terhubung baik dengan Allah, amalan manusia juga akan terpedoman baik. Sekiranya asas ibadah menjadikan jalur hidup insan berkembang, maka solat yang dikerjakan tidak sahaja bersifat *rabbaniyyah* bahkan roh solat terlihat dalam pekerti dan amali.

Sekiranya asas syariah menjadi landasan pedoman hidup supaya batasan syarii dipatuhi, ia mencetuskan *taqarrub ilallah*, keterikatan hati dan diri dengan Allah s.w.t. Daripadanya bakal melahirkan kualiti *ibadullah* dan *ibad al-Rahman* yang tinggi. Asas patuh, taat, akur dan tunduk ini lahir daripada sifat insan yang baik, lalu menyebabkan manusia sentiasa terpedoman dan memiliki kesedaran-ketuhanan

(*God-consciousness*) yang tinggi.

Inilah tunjangan kepada kekuatan akhlak yang diurus dengan baik. Akhlak tidak sekadar pancaran watak mithali yang boleh menjadi sumber contoh dan teladan, tetapi juga terlihat dalam amali dan sistem. Ilmu dan pendidikan yang diolah dengan baik terhadap diri insan membentuk insan soleh yang tidak sahaja terpancar dengan doa yang kudus, tetapi terlihat dengan amal yang memberi manfaat.

Oleh sebab itu, kepentingan ilmu mengurus diri amat penting dibangunkan dan ia menuntut tajdid yang berterusan supaya wujud titik temu yang kukuh dan serasi antara prinsip al-Quran dan amalan. Jika ini berlaku, pembangunan *rijal* dapat dijadikan landasan untuk membangunkan ilmu mengurus sistem.

Mengurus Rahmat dan Nikmat

Allah s.w.t. mengurniakan kehidupan dan bumi ini dengan limpahan rahmat dan nikmat yang banyak. Allah mengurniakan air, gas, sumber galian dan sebagainya untuk diuruskan.

Rahmat dan nikmat ini ada kaitannya dengan kesejahteraan hidup manusia dan sistem. Memanfaatkan sumber-sumber ini memerlukan ilmu. Ilmu mengurus sistem ini amat perlu dimiliki dan dikuasai oleh umat Islam supaya bukan diri sahaja ter-

urus dengan baik, tetapi sistem dan persekitaran juga sama.


Di sinilah perlunya ilmu mengenai sains dan teknologi dikembangkan supaya ia terhubung dengan nilai (*value-laden*) bukan bersifat bebas daripada sebarang nilai (*value-free*). Maksud terhubung dengan nilai ialah sains yang dikembangkan berpedomankan etika dan teknologi yang dibangunkan dipandu oleh nilai guna yang baik.

Akhirnya menguruskan kemahiran sains dan teknologi selari dengan pengurusan persekitaran dan juga alam kerana saintis dan pakar teknologi yang beriman memahami bahawa mengurus sistem dan persekitaran adalah suatu taklif atau amanah daripada Allah, bukannya suatu kesempatan melakukan eksploitasi untuk kepentingan komersial semata.

Oleh sebab itu, tajdid ilmu dan pendidikan sewajarnya menjadi agenda utama pada abad ini lantaran corak kemajuan yang didatangkan oleh barat dan timur memberi fokus kepada kepentingan duniawi semata. Tajdid ilmu dan pendidikan harus mencetuskan keinsafan mendalam bahawa kepentingan ukhrawi menjadi pedoman utama dalam mengurus diri dan sistem.

Manusia Mukmin bakal kembali kepada Allah dan menjadikan amal mengurus diri dan sistem sebagai bukti kepatuhannya terhadap suruhan dan larangan Allah. Ilmu dan pendidikanlah sewajarnya menjadi pedoman dan kaedah insan dapat dibangunkan supaya integrasi ilmu mengurus diri dan sistem terbentuk dan terbina.

Ilmu dan pendidikan yang terpisah daripada etika dan nilai menyebabkan kehidupan bakal hilang pedoman dan arah. Ilmu dan pendidikan yang terhubung dengan etika Islam dan nilai yang bersifat manusiawi menepati maksud kekhalifahan insan mengurus alam dan manusia.

Sekiranya hal ini terjadi, kerosakan terhadap alam akibat perbuatan tangan-tangan manusia dapat diperbaiki kerana manusia memiliki rasa amanah yang tinggi terhadap ilmu dan pendidikan serta ia juga menjadi prasyarat yang penting untuk manusia berperanan. Jiwa *'ibadullah* yang tinggi dan rasa kekhalifahan yang telus boleh menyebabkan rahmat dan nikmat Allah diurus dengan baik. 

TAHNIAH!

Hadiah Pertama

SYIFAK IZHAR HSIHAM
PEKAN, PAHANG

Hadiah Kedua

AG RUZAINI BIN AG ALI OMAR
PAPAR, SABAH

Hadiah Ketiga

KHAIRUN NOR SYIFAQ KHAIRUDDIN
KUALA BERANG, TERENGGANU

Hadiah Sagu Hati

ZAHARI MAHAMAD
SEBERANG PERAI (S)


SITI SARAH OMAR BT. MOHD AZAM
AMPANG, SELANGOR

ANDI MUNAWARAH MOHAMED AKIR
MASAI, JOHOR

AHMAD FADHIL ABDUL FATAH
KETEREH, KELANTAN

ROHAIDAH MAT YUSOFF
AIR MOLEK, MELAKA

JAWAPAN
SILANG
KATA
SIRI 34



SYARAT DAN PERATURAN

- 1 Penyertaan terbuka kepada semua pembaca *Solusi*, kecuali kakitangan Telaga Biru Sdn. Bhd. dan ahli keluarga terdekat.
- 2 Peraduan ini berlangsung selama dua (2) bulan, dari **1 Februari 2012** hingga **31 Mac 2012**.
- 3 Tarikh tutup penyertaan: **31 Mac 2012**.
Penyertaan selepas tarikh tersebut tidak diterima.
- 4 Penyertaan mestilah menggunakan borang asal dan pastikan diisi lengkap. Salinan fotokopi tidak diterima.
- 5 Pemenang dikira jika menjawab **semua petak dengan betul**. Sekiranya tiada pemenang, jawapan yang hampir akan diterima sebagai pemenang.
- 6 Sekiranya terdapat **lebih daripada seorang pemenang**, cabutan akan dibuat oleh para hakim. Keputusan hakim adalah muktamad.

■ Isikan **semua petak** dengan HURUF BESAR dengan jelas.

■ Jika terdapat kesilapan dan anda ingin mengubahnya, boleh digunakan pepadam, *liquid paper* atau sebagainya.

■ Poskan penyertaan anda ke:
Peraduan Silang Kata Siri 37
Telaga Biru Sdn. Bhd.
28 Jalan Tembaga SD 5/2A
Sri Damansara Industrial Park
52200 Kuala Lumpur

■ Pemenang akan dihubungi melalui alamat pos atau melalui telefon dan/atau e-mel (jika ada disertakan alamat e-mel dan/atau no. telefon).